

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 29.10.2014**

**Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan unit dan peratus skim amanah saham di bawah PNB mengikut kaum pada akhir tahun 1990, 2000, 2008, 2010 dan 2013 serta bilangan dan peratus syarikat yang PNB mempunyai kawalan pengurusan (management control).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan unit dan peratus

pegangan dalam dana-dana unit amanah dibawah pengurusan PNB mengikut kaum adalah adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUM. PEGANGAN UNIT BUMIPUTERA (JUTA)</b>	<b>PERATUS (%)</b>	<b>JUM. PEGANGAN UNIT BUKAN BUMIPUTERA (JUTA)</b>	<b>PERATUS (%)</b>
<b>1990</b>	8,846.08	100.0	-	-
<b>2000</b>	30,424.80	87.9	4,174.91	12.1
<b>2008</b>	70,463.92	85.2	12,226.05	14.8
<b>2010</b>	96,484.47	81.2	22,331.18	18.8
<b>2013</b>	146,551.71	83.6	28,673.95	16.4

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Disember 2013, syarikat di mana PNB dan unit amanah di bawah pengurusannya mempunyai pegangan ekuiti melebihi 50% adalah sebanyak 15 buah syarikat.

Merujuk kepada proses perlantikan pengurusan syarikat-syarikat pelaburan PNB, selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik, pihak PNB mengambil pendekatan di mana proses tersebut terletak di

bawah bidang kuasa lembaga pengarah syarikat-syarikat berkenaan. Bagi menjaga kepentingan PNB dan pemegang-pemegang akaun dana-dana unit amanah di bawah pengurusannya, PNB melantik pengarah namaan sebagai sebahagian daripada lembaga pengarah syarikat-syarikat di mana kumpulan PNB mempunyai kepentingan yang besar. Pengarah namaan ini akan bertindak secara kolektif dengan ahli lembaga pengarah yang lain untuk membuat keputusan berkenaan syarikat, termasuk perlantikan pengurusan.